

MERANTI

Meranti (*Shorea sp.* / *Anthoshorea sp.*) merupakan satu daripada kumpulan pokok kayu keras dalam famili dipterokarpa. Meranti mempunyai taburan yang meluas di kawasan tropika di Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Papua New Guinea dan Myanmar. Ia boleh dijumpai pada pelbagai ketinggian, lazimnya dari paras laut hingga 700 meter di atas paras laut. Meranti dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan utama berdasarkan warna dan kualiti kayu iaitu Meranti Merah (*Red Meranti*), Meranti Putih (*White Meranti*), dan Meranti Kuning (*Yellow Meranti*). Secara umumnya, Meranti menghasilkan damar dan buahnya bersayap. Kayu meranti digunakan secara komersial dalam industri perabot, pembinaan, papan lapis dan lantai.



Sumber: Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia (2012) - W.S.Y. Yong



Sumber: Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia (2012) - W.S.Y. Yong



Sumber: Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia (2012) - W.S.Y. Yong